

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI  
Tajuk : MAJLIS ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG UNIT PERANCANG EKONOMI,  
JABATAN PERDANA MENTERI TAHUN 1996  
Lokasi : JABATAN PERDANA MENTERI  
Tarikh : 26-07-1997

1. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y. Bhg. Tan Sri Ali kerana menjemput saya ke majlis Khidmat Cemerlang UPE pada pagi ini.
2. Saya berasa amat bangga kerana telah diberi penghormatan untuk berucap di majlis ini dan selanjutnya menyampaikan hadiah dan sijil kepada pemenang-pemenang Anugerah Cemerlang bagi tahun 1996.
3. Majlis seumpama ini, bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang pada satu-satu tahun memanglah digalakkan oleh Kerajaan untuk mendorong seluruh Perkhidmatan Awam ke arah budaya kerja berkualiti dan produktif. Harapan Kerajaan adalah supaya Perkhidmatan Awam kita tetap unggul hingga mencapai taraf "World Class"- "World Class" dalam ertikata segala perkhidmatan yang diberi oleh jabatan Kerajaan kepada kliennya, samada seorang individu, masyarakat, pihak swasta atau sebuah jabatan Kerajaan yang lain, mestilah berkualiti tinggi, cepat dan sesuai dengan kehendak klien itu sendiri. Kualiti perkhidmatan ini mestilah setanding dengan perkhidmatan yang diberi oleh negara-negara termaju di dunia.
4. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua anggota Perkhidmatan Awam menyumbang tenaga dengan penuh komitmen, amanah dan kejujuran sesuai dengan kaedah pentadbiran dan pengurusan yang responsif dan inovatif supaya dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Tidak kira apa pangkat sekalipun tiap-tiap pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam mestilah menghayati etika ini setiap masa, lebih-lebih lagi pegawai-pegawai UPE yang mempunyai fungsi penting dalam penggubalan dasar, strategi dan program pembangunan negara.
5. Sehingga kini, tidak dapat dinafikan bahawa UPE telah dapat memainkan peranannya dengan baik seperti yang terbukti dari penyediaan Rancangan Lima Tahun dan Rangka Rancangan Jangka Panjang serta perancangan projek-projek penswastaan. Rekod prestasi ekonomi negara yang mampan dan stabil sepanjang satu dekad yang lalu merupakan manifastasi kejayaan yang dicapai.
6. Saya berharap kejayaan ini tidak akan melalikan pegawai dan pucuk pimpinan UPE hingga lalai terhadap keperluan untuk terus memperbaiki kualiti perkhidmatan yang diberikan. Usaha-usaha pembaharuan, tindakan-tindakan inovatif perlu diambil setiap masa supaya pentadbiran dan pengurusan jabatan dapat maju selari dengan peredaran masa.
7. Ada banyak teori dan konsep pengurusan yang telah diperkenalkan. Konsep yang paling mendapat sambutan dan penerimaan baik di kalangan pakar-pakar pengurusan hari ini memberi fokus kepada hasil atau output dan bukan lagi kepada proses. Mengikut konsep ini pengurus perlu diberi fleksibiliti untuk menentukan proses kerja organisasinya asalkan hasil pengeluarannya memenuhi target atau objektif organisasi tersebut. Ini melibatkan decentralisasi serta penurunan kuasa kepada bahagian-bahagian dalam sesuatu organisasi. Saya bukanlah pakar pengurusan, tetapi saya dapati konsep ini menarik sekali dan mempunyai beberapa ciri yang boleh diterima pakai oleh Kerajaan. Saya akan berbincang dengan pakar-pakar pengurusan kita untuk meneliti konsep ini lebih mendalam supaya dapat dilaksanakan oleh jabatan-jabatan Kerajaan.
8. Sebagai sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, adalah menjadi harapan saya agar UPE terus memainkan peranannya dengan lebih berkesan lagi. Saya percaya dengan kepimpinan sekarang, hasrat ini dapat direalisasikan. Saya berharap juga agar semua pegawai dan kakitangan UPE akan terus berganding bahu dan bekerja sebagai satu pasukan demi menjayakan sasaran matlamat yang telah ditetapkan. Seajar dengan perkembangan pesat teknologi maklumat dan multimedia serta negara tanpa sempadan, kita perlu segera melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran baru melalui latihan yang berterusan bagi menghadapi perubahan dan cabaran-cabaran persekitaran tempatan dan global.

Tenaga kerja yang knowledgeable dan mahir dapat membantu mempercepat pencapaian Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh pemimpin kita.

9. Kita semua sedia maklum, menjelang tahun 2020, negara kita Malaysia, akan menjadi sebuah negara maju berasaskan ekonomi-aktiviti perindustrian. Selaras dengan matlamat ini dan dalam usaha mempercepatkan pencapaiannya, Kerajaan kini sedang giat membangunkan projek mega, MSC - Multimedia Super Corridor termasuk Kerajaan Elektronik (Egovernment).

Adalah diharapkan melalui E-Government ini kecekapan jentera pentadbiran Kerajaan akan dapat dipertingkatkan bagi mewujudkan perkhidmatan yang berkualiti dan pantas.

Dengan tahap penggunaan komputer dan IT yang begitu luas di UPE. Saya percaya bahawa UPE dapat memasuki era "Electronic Government" tanpa apa-apa masalah.

10. Saya berasa amat bangga bahawa hasil prestasinya yang baik UPE telah mempertingkatkan imej negara bukan saja di kalangan negara membangun malahan dijadikan model oleh beberapa negara maju, khususnya kejayaan dasar penswastan negara. Penglibatan UPE dalam membantu menyediakan khidmat kepakaran dalam rancangan pembangunan ekonomi di beberapa negara membangun melalui program-program latihan di bawah Malaysian Technical Cooperation Programme telah mengharumkan nama negara.

11. UPE sebagai Center of Excellence dalam aktiviti perancangan ekonomi negara dipaparkan melalui ramainya pembesar luar negeri atau pegawai kanan kerajaan asing yang datang untuk mendapat pendedahan mengenai fungsi UPE serta strategi pembangunan negara. Saya difahamkan UPE juga telah diminta oleh beberapa Kerajaan Negeri asing untuk mengubal dasar pembangunan negara masing-masing seperti Ghana dan Republik Kyrgyz.

12. Peranan UPE sebagai focal point melalui penglibatan secara langsung dalam membangunkan semula beberapa negara seperti di Afrika, Eropah Timur, negara-negara Kepulauan Pasifik dan CIS amat membanggakan. Saya berharap usaha-usaha ini akan diteruskan dan dipertingkatkan. Dengan wujudnya Yayasan SALAM, saya percaya usaha-usaha Kerajaan dan sektor swasta dapat digembeling untuk terus mengharumkan nama negara, di samping menjadikan rakyat Malaysia masyarakat antarabangsa yang bertanggungjawab.

Hadirin sekalian,

13. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pegawai dan kakitangan UPE yang telah dianugerahkan perkhidmatan cemerlang bagi tahun 1996. Saya percaya ramai di antara pegawai dan kakitangan UPE layak menerima anugerah cemerlang ini, namun memandangkan kuota yang telah ditetapkan hanya yang terbaik di kalangan yang terbaik sahaja menerima penghargaan pada hari ini. Saya berharap keadaan ini sama sekali tidak akan menjejaskan semangat dan aspirasi anggota kerja yang lain, manakala penerima pula akan terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang di masa-masa yang akan datang.